



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 62

1hb Ogos 2019

No. 16

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 51.

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 11(*ca*)

NOTIFICATION UNDER SUBSECTION 11(*ca*)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(*ca*) Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri Perlis telah mengubah sempadan dan keluasan bagi daerah Perlis dan mukim yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

In exercise of the powers conferred by subsection 11(*ca*) of the National Land Code 1965 [*Act 56 of 1965*], The State Authority of Perlis has altered the boundaries of the area and width of the district of Perlis and mukim described in the Schedule hereto and shall come into operation on the date of its publication *Gazette*.

JADUAL/SCHEDULE

Mukim/*Mukim*—Kayang. Daerah/*District*—Perlis. Kawasan Baru/*New Area*—Pulau Batu Layang/*Batu Layang Island*. Keluasan/*Width*—0.045 hektar/hectares. Sempadan/*Boundaries*—Sebagaimana dipetakan di atas Pelan PP 166 yang disah dan diluluskan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Perlis/*As delineated on Plan PP 166 certified and approved by the Director of Survey and Mapping of Perlis*.

Bertarikh

Dated

[PTG.Ps.(AD) 608; PUN.Ps. 0023 Jld. 9]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/*
*Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 52.

(Seksyen 128)

NOTIS UNTUK MEMULIH PELANGGARAN SYARAT

Kepada Harrylmazrin binti Harun (No. K/P 840416-09-5042), yang beralamat di 7, Jalan Dua, Taman Fauziah, Kangar, 01000 Perlis, tuan punya tanah yang dijadualkan di bawah ini.

Bahawasanya saya yang bertandatangan di bawah ini adalah berpuas hati bahawa suatu pelanggaran syarat yang dijadualkan di bawah ini telah timbul iaitu—

Tanah yang bersyarat nyata “Bendang” telah didirikan Pusat Servis Kenderaan.

Maka, oleh yang demikian pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 128 Kanun Tanah Negara, saya dengan ini menghendaki kamu dalam tempoh tiga puluh hari (30) hari dari tarikh penyampaian notis ini supaya mengambil tindakan berikut untuk memulihkan pelanggaran syarat tersebut—

1. Mengambil tindakan meremedikan pelanggaran itu dalam tempoh masa yang munasabah; dan/atau
2. Membuat permohonan ubah syarat dari syarat bendang ke kategori bangunan syarat perniagaan.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

1hb Ogos 2019]

127

JADUAL TANAH DAN SYARAT

Mukim—Sena. No. Lot—8778. Perihal dan No. Hakmilk—G.M. 4751. Luas—0.1294 hektar. Syarat yang Dilanggar—Tanah yang bersyarat nyata “Bendang” telah didirikan Pusat Servis Kenderaan.

Bertarikh 17 April 2019

NORIDAYU BINTI ISMAIL
*Penolong Pentadbir Tanah
Perlis*

No. 53.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Shahrir Redzuan bin Abd Samad, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 5 September 2019 pada 11.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM330,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Tiga Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM92,887.60. Nama pemegang gadaian—Bank Islam Malaysia Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM33,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tiga Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 3 Januari 2020 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Utan Aji. No. Lot—8184. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2871. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 1457/2008 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 17 Jun 2019
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2377(8A)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD

Penolong Pentadbir Tanah

b.p. Pengarah Tanah dan Galian

Perlis

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA